

Isu Dr. Mahathir ke mesyuarat MT hari ini

UM-2/11/2006

KUALA LUMPUR 1 Nov. - Isu kritikan Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mungkin dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO, esok.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib (**gambar**) berkata, bagaimanapun ia terulang kepada ahli-ahli MT untuk mengemukakan perkara tersebut.

"Mungkin ada (ahli MT) yang akan bawa isu itu tetapi buat masa ini saya tidak pasti MT akan membuat keputusan untuk membincangkan isu tersebut esok," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas sama ada isu bekas Presiden UMNO itu akan diperbincangkan oleh MT esok setelah terdapat desakan memintanya supaya Dr. Mahathir dikenakan tindakan sewajarnya.

Muhammad berkata, buat masa ini isu Dr. Mahathir tiada dalam

Mungkin ada (ahli MT) yang akan bawa isu itu, tetapi buat masa ini saya tidak pasti MT akan membuat keputusan untuk membincangkan isu tersebut esok

MUHAMMAD
MUHD. TAIB
Ketua Penerangan
UMNO

agenda mesyuarat MT yang akan berlangsung di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) esok.

Isu Dr. Mahathir hangat apabila baru-baru ini terdapat saranan daripada Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid supaya bekas Presiden UMNO itu melepaskan jawatan penasihat di beberapa agensi dan syarikat kerajaan.

Sementara itu di **PUTRAJAYA**, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz berkata, cadangan supaya Dr. Mahathir melepaskan jawatan sebagai penasihat

di beberapa agensi dan syarikat kerajaan merupakan usul daripada sebahagian ahli MT.

"Apa yang kita tahu, ini adalah cadangan yang dibuat oleh pemimpin UMNO dan ramai daripada pemimpin itu adalah ahli MT, saya kira mungkin akan dibincangkan... saya pun tak tahu," katanya pada pemberita selepas menghadiri majlis jamuan Aidilfitri anjuran Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini.

Ditanya sama ada soal pertemuan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Dr.

Mahathir dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet hari ini, beliau berkata:

"Perdana Menteri sebut sedikit berkenaan dengan (pertemuan dengan Dr. Mahathir) tapi tidak ada benda yang kita tidak tahu tentang perjumpaan dengan Dr. Mahathir.

"Tetapi Kabinet tidak berbincang mengenai pertemuan itu."